

## Persatuan Wanita Unimas raikan empat pertubuhan amal

1/2 Isnin 7/9/09 p3



golongan yang kurang berkemampuan ini yang dipilih berdasarkan tradisi sejak empat tahun lalu," katanya.

Antara pihak lain yang menyumbang dari segi wang ringgit adalah Pusat Tanggung Jawab dan Fakulti dan RHB Cawangan Kota Samarahan. Manakala jamuan berbuka puasa ditaja oleh kafeteria-kafeteria Unimas.

Majlis itu turut dihadiri Naib Canselor Unimas, Prof Dr. Khairuddin Ab Hamid, Ketua Wilayah Sarawak, Sheikh Yahaya Ahmad mewakili Bank Kerjasama Rakyat Kuching, dekan-dekan Fakulti, Bendahari dan Pendaftar Unimas.

Selain berbuka puasa, tetamu yang hadir turut mendirikan solat Maghrib secara berjemaah dan dihiburkan dengan persembahan nasyid daripada pelatih-pelatih Pusat Pemulihan Samarahan, Kota Samarahan. Selepas itu, mereka turut bersama-sama mengerjakan solat Isyak dan Tarawih setelah majlis penyerahan sumbangan selesai.

Dengan penganjuran majlis tersebut, ia secara tidak langsung menunjukkan bahawa MASNITA berjaya memenuhi tanggungjawab sosial kepada masyarakat yang memerlukan tanpa mengira kaum dan agama.

**DUIT RAYA ... Dayang Mariani Abang Zain menyampaikan duit raya kepada pelatih Pusat Pemulihan Samarahan semasa Majlis Berbuka Puasa anjuran MASNITA di UNIMAS, semalam. Turut kelihatan, Naib Canselor Unimas, Prof Dr. Khairuddin Ab Hamid.**

KOTA SAMARAHAN, Ahad - Persatuan Wanita Unimas (MASNITA) mengadakan Majlis Berbuka Puasa bagi meraikan tetamu Masnita dan menyerahkan sumbangan kepada empat pertubuhan amal sekitar kawasan Kota Samarahan dan Kuching, semalam.

Sumbangan berupa wang daripada Bank Kerjasama Rakyat itu diserahkan kepada empat pertubuhan amal yang terdiri daripada pelatih-pelatih Pusat Pemulihan Samarahan, Kota Samarahan, penghuni-penghuni Rumah Kanak-Kanak Kuching, Batu 12, penghuni-penghuni Rumah Orang-Orang Tua Sri Kenangan serta penghuni-penghuni Hospital Sentosa, Kota Sentosa, Kuching. Sepu-

luh orang pelajar Unimas turut terpilih menerima sumbangan tersebut.

Menurut Yang Di Pertua MASNITA, Dayang Mariani Abang Zain, majlis itu merupakan aktiviti tahunan persatuan itu yang diadakan setiap tahun bermula pada tahun 2006.

Selain itu, majlis itu bertujuan mengeratkan silaturahim di kalangan ahli Masnita dan warga Unimas serta membantu mereka yang memerlukan dengan sumbangan yang diberikan oleh MASNITA.

"Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga Unimas yang bermurah hati kerana memberikan sumbangan kepada